



SUARA

BANDARA

JULAI/OGOS 1990 ISSN 0128 - 1194

ELYAS OMAR

Dianugerahkan Gelaran Tan Sri

Sempena ulang tahun ke 62 Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agong Sultan Azlan Shah, Datuk Bandar, Dato' Elyas Omar dianugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

Lapan lagi yang turut menerima kurnia Darjah PSM termasuk Seniman Agung Allahyarham P. Ramlee, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abdul Rahim Tambi Chik, Hakim Agung Mahkamah Agung Datuk Harun Hashim, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke London Datuk Haji Wan Sidek Abdul Rahman dan Ahli Parlimen Kawasan Semporna, Sabah, Datuk Haji Sankaran Dandai.

Seramai 1,142 orang menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat dengan diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Sebelum itu Datuk Bandar telah menerima anugerah darjah kebesaran Datuk Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan, sempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke 63 pada 8 Mac tahun lalu.

Selain itu beliau telah dianugerahkan Darjah Seri Indera Mahkota Pahang (SIMP), Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP), Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri Pulau Pinang (DMPN), Johan Setia Mahkota (JSM) dan Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN).

Beliau yang dilahirkan pada 16 November 1936 di Pulau Pinang mendapat pendidikan awal di Penang Free School, melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya, Singapura (1956-60), menerima Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam di Universiti Pittsburg (1964-65) dan Universiti Harvard (1970-1973).

Dato' Elyas Omar yang mula memasuki perkhidmatan awam dengan jawatan Penolong Setiausaha di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada Mei 1960, dilantik sebagai Pengarah INTAN (1973-1978). Kemudian menjadi Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, dan memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, mula 1981.



Dato' Elyas Omar menerima anugerah Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) dari DYMM Sultan Azlan Shah

Beliau dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ketiga mulai 1 Februari 1983 dan dipertanggungjawabkan menerajui pentadbiran DBKL hingga sekarang.

Dato' Elyas Omar adalah seorang pentadbir yang amat berwibawa dan tokoh sukan yang disegani. Sejak dipilih menduduki jawatan Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) tahun 1985, skuad Malaysia berjaya menjadi naib johan Piala Thomas dua musim berturut-turut (1988/1990) dan sebagai Presiden Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA), pasukan Kuala Lumpur berjaya menjadi johan Piala Malaysia/Semi Pro tiga tahun berturut-turut (1987-89).

Banyak pembaharuan diperkenalkan. Bangunan-bangunan mencakar langit yang baru kian bertambah, jalan-jalan ditambah dan dibesarkan,

pelbagai jenis rumah didirikan, tempat-tempat rekreasi juga ditambah untuk kesejahteraan wargakota. Kuala Lumpur kini mempunyai identiti tersendiri di bawah pimpinan Tan Sri Dato' Elyas bin Omar.

Sementara itu Ketua Pengarah, Haji Noordin Abdul Razak turut menerima Darjah Setia Mahkota (PSM). Beliau mula dilantik sebagai Penolong Setiausaha dalam pentadbiran Dewan Bandaraya pada September 1972 dan mengetuai Unit Penjaja dan Pelesenan sehingga Mac 1979.

Apabila Unit Penyelarasan dan Pembangunan ditubuhkan pada 1 April 1979, Tuan Haji Noordin telah dilantik mengetuai Unit tersebut sehingga 1 Januari 1983 apabila ia dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pengarah II, Dewan Bandaraya.

bersambung di muka 3

KANDUNGAN

SUARA BANDARAYA ■ JULAI/OGOS 1990

■ ELYAS OMAR DIAUGERAHKAN GELARAN TAN SRI	1 & 3
■ EDITORIAL DAN ISI KANDUNGAN	2
■ TAN SRI DATO' ELYAS MERAIKAN PANDU PUTERI KOMANWEL	4
■ TAN SRI DATO' ELYAS TERIMA SUMBANGAN PIALA THOMAS	5
■ ROMBAKAN PERKHIDMATAN DBKL : LIMA PENGARAH PINDAH	6
■ BURUH DBKL BINA PEJABAT SENDIRI	7
■ SKIM BAKTI SWASTA BANTU PENGANGGUR	8
■ KEMPEN KEBERSIHAN TINGKATKAN IMEJ PENJAJA	9
■ KUALA LUMPUR TAMAN BERCAHAYA	10
■ KETUA PENGARAH RAIKAN MISS ALL NATIONS	11
■ PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN AGONG	12
■ ISTERI-ISTERI KETUA KERAJAAN G15 TERPESONA DI TAMAN ORKID	13
■ PESTA 100 TAHUN PENGUASA TEMPATAN	14 & 15
■ TAN SRI DATO' ELYAS HADIRI MALAM KEBUDAYAAN IMG	16
■ GEMA PUISI 100 TAHUN	17
■ PESTA 100 TAHUN SEJARAH BERLALU	18
■ PESTA 100 TAHUN ARTIS MERIAHKAN PERAYAAN	19
■ BATU PERINGATAN UNTUK GENERASI AKAN DATANG	20
■ MAJLIS TAHLIL DI MASJID JAMEK	21
■ MURSHID ALAIDIN DI PUNCAK KALA PATTAR	22
■ KURSUS PENGURUSAN JENAZAH	23
■ BULAN TAK BERBAYANG - OLEH INAHG HALUBDA NAW	24
■ DATUK BANDAR TERIMA ANUGERAH KEPIMPINAN SUKAN	25
■ G. SUPERMANIAM DAN NORHAYATI AHLI SUKAN TERBAIK DAN GAMBAR OLAH RAGA	26 & 27
■ MEMORANDUM KUALA LUMPUR - ANKARA TINGKATKAN KERJASAMA EKONOMI	26



EDITORIAL

PENASIHAT

Mohd. Shukran Hj. Abd. Halim

EDITOR

Zarina Ahmad Osman

PENOLONG EDITOR

Mohamed Hashim Hj. Mohd Ali
Jennifer Vincent

JURUFOTO

Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rhani Mohd. Sohor

PEMBERITA

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada :

EDITOR

SUARA BANDARAYA
Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Awam,
Urusetia Bandaraya, Tingkat 6,
Bangunan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Telefon : 2916011
Sambungan 147 / 432 / 122

PERHATIAN

Semua Pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

DESIGN & LAYOUT

Design Image Advertising & Promotions Sdn. Bhd.

Awarded Title of Tan Sri

Datuk Bandar Dato' Elyas Omar was awarded the Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) which carries the title of Tan Sri on the occasion of the 62nd birthday of DYMM Yang di Pertuan Agong Sultan Azlan Shah.

Eight others who also received the PSM were the late singer and actor P. Ramlee, Malacca Chief Minister Datuk Seri Rahim Thambi Chik, High Court Judge Datuk Harun Hashim, Malaysian High Commissioner to London Datuk Haji Wan Sidek Abdul Rahman and Semporna Member of Parliament Sabah Datuk Haji Sankaran Dandai.

A total of 1,142 people headed by Chief Secretary to the Government, Datuk Seri Ahmad Sarji Abdul Hamid, received awards, stars and medals.

Prior to this, Datuk Bandar had received the Datuk Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) award from DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan on the occasion of his 63rd birthday on March 9 last year.

Apart from that he had been awarded the Darjah Seri Indera Mahkota Pahang (SIMP), the Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP), the Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri Pulau Pinang (DMPN), the Johan Setia Mahkota (JSM) and the Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN).

Born on November 16, 1936 in Penang, Dato' Elyas Omar obtained his early education at Penang Free School, then at the University of Malaya, Singapore (1956-60) and did his Masters in Public Administration at Pittsburg

University (1964-65) and Harvard University (1970-73).

Dato' Elyas joined the public service as Assistant Secretary in the Public Services Commission in May 1960 and then served as Director of the National Institute of Public Administration INTAN (1973-78). Later he was appointed Deputy Director-General of Public Services and took up the post of Federal Territory Ministry Secretary - General in 1981.

He was named the third Datuk Bandar of Kuala Lumpur on Feb 1, 1983 and he was given the responsibility to head the Kuala Lumpur City Hall administration.

Dato' Elyas is an influential



Haji Noordin Abd. Razak receiving PSM award

administrator and a respected sports leader. Since being elected as President of the Badminton Association of Malaysia (BAM) in 1985, the Malaysian team have emerged runners-up twice (1985/90). As Kuala Lumpur Football Association (KLFA) President he has led Kuala Lumpur to the Malaysia Cup three years in a row (1987-1989).

Many changes were made. Skycrapers have increased around the city, roads improved, varied housing projects were carried out and recreational centres have increased to accommodate city residents. Kuala Lumpur has its own identity, under the leadership of Tan Sri Dato' Elyas Omar.

Meanwhile, Director-General Haji Noordin Abd. Razak also received an award of Darjah Johan Setia Mahkota (JSM). He started as an Assistant Secretary in the City Hall administration in September 1972 and headed the Hawkers and Licensing Unit until March 1979.

When the co-ordination and Development Unit was set up on April 1, 1979, Haji Noordin was picked to head it, until January 1, 1983 when he was promoted to the post of City Hall Deputy Director-General II.

After serving about five years in that post, Haji Noordin has played a key role in the planning, implementation and administration of Federal Government and City Hall development projects.

Among the projects in which he has been involved are the planning of new townships, public housing, road construction and transport projects, privatisation, beautification of recreational facilities and social projects.

Widely experienced in planning, development and management, he regularly attends overseas courses and seminars, particularly those organised by the Asian Development Bank, International Union of Local Authorities (IULA), UNICEF and other world organisations.

He obtained a Bachelor of Arts (Hons) degree from the University of Malaya in 1972. Before that he was a teacher who graduated from the Kota Bharu Teacher's College in 1964.

He is also a registered member of the British Institute of Management (BIM) and the Malaysian Institute of Management Consultants (MIMC) apart from being a member of the City Hall social and development committee ■

■ dari muka depan

Setelah berkhidmat kira-kira lima tahun sebagai Timbalan Ketua Pengarah II, Tuan Haji Noordin Abdul Razak telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah I pada 1 Ogos 1986 dan Ketua Pengarah DBKL mulai 1 Februari 1989 menggantikan tempat Dato' Mohd. Noor Abd. Rahim yang dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzwan.

Sepanjang kariernya di Dewan Bandaraya ini, beliau banyak bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan pentadbiran projek projek pembangunan Kerajaan Persekutuan dan Dewan Bandaraya sendiri.

Antara projek-projek di mana ia terlibat sama seperti perancangan bandar-bandar baru, perumahan awam, pembinaan jalan dan projek pengangkutan, penswastan, pengindahan kemudahan rekreasi dan projek projek sosial.

Dengan pengalamannya yang luas dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan, beliau sering menyertai berbagai kursus dan seminar di luar negeri terutamanya anjuran Bank Pembangunan Asia (ASB), International Union of Local Authorities (IULA), UNICEF dan lain-lain pertubuhan dunia.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1972. Sebelum ini beliau adalah seorang guru lepasan Maktab Perguruan Kota Bharu pada tahun 1964.

Beliau juga merupakan ahli berdaftar kepada Institut Pengurusan British (BIM) dan Institut Pengurusan Konsultant Malaysia -M.I.M.C.(M) di samping menduduki jawatankuasa sosial dan pembangunan yang terdapat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ■